

Musa: Dasar Pelajaran untuk isi matlamat merdeka

KUALA TERENGGANU, Isnin — Kerajaan Barisan Nasional akan terus meningkatkan usaha meletakkan matlamat positif bagi bangsa Malaysia menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan, Datuk Musa Hitam menegaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri mengesakan setiap rakyat supaya menjadikan dasar tersebut satu asas kukuh dalam usaha mengisi matlamat kemerdekaan negara.

Berucap merasmikan Konvensyen Pendidikan (KONPEN) Ketujuh anjuran Persatuan Suluh Budiman di sini, beliau berkata, segala kelemahan dan masalah perlu dikaji dan disemak semula supaya kerajaan dapat bertindak seterusnya.

Datuk Musa juga menyeru rakyat memperkukuhkan azam dan kewajipan untuk memajukan negara di bidang ekonomi, ketahanan rohani dan disiplin.

"Kita tidak harus membiarkan sejarah mengutuk kita dan menunjukkan bahawa dalam masa kita perlu bersatu, kita telah berpecah dan dalam masa kita perlu memperteguhkan negara, kita telah lemah," tegasnya.

Beliau berkata, adalah tanggungja-

wab setiap warganegara untuk membina masyarakat yang harmoni dengan jenerasi yang bertakwa kepada Allah, mempunyai kefahaman luas, adil dan bersemangat demi kepentingan bersama.

Terpujanglah kepada setiap rakyat untuk melihat kembali nilai-nilai kita serta tanggungjawab untuk mengisi matlamat kemerdekaan kita.

Semua ini adalah hasrat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional dan akan menjadi kenyataan jika rakyat memahami Dasar Pelajaran Kebangsaan dan menyokongnya.

Beramaruah

Timbalan Perdana Menteri berkata, zaman 80-an penting untuk memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang berkait rapat dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Menurut Datuk Musa, Dasar Pelajaran Kebangsaan bukan saja bertujuan melahirkan masyarakat yang maju, berdisiplin, bermaruah dan mempunyai ketahanan nasional yang kukuh.

"Dasar pelajaran kita juga bertujuan meningkatkan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup, bila rakyat dapat

mengimbangkan perkembangan fizikal dengan kemajuan rohani."

Beliau berharap, rakyat akan mempertingkatkan dayausahake arah pendidikan rasmi dan tidak rasmi bagi memastikan lahirnya masyarakat yang memahami perubahan dan kemajuan.

Bagaimanapun, beliau menambah, daya usaha dan semangat semata-mata tanpa disiplin yang teguh tidak mencukupi, kerana disiplin adalah sumber kekuatan negara.

Datuk Musa gembira Persatuan Suluh Budiman memulakan usaha mengkaji betapa mendalamnya semangat dan disiplin dalam semua peringkat pendidikan.

Beliau seterusnya menegaskan, para pendidik tidak harus menghadkan tenaga mereka kepada tugas dan kewajipan saja, kerana pelajaran mempunyai erti yang lebih luas dari mengajar kanak-kanak.

Datuk Musa dukacita kanak-kanak hari ini hanya diajar dan tidak dididik — sesuatu yang menyebabkan pandangan mereka sempit dan tidak berupaya memahami kemajuan dengan fikiran matang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia